

PAKEJ INTERAKSI LISAN BAHASA MELAYU Darjah 1 dan 2

Kumpulan Pembinaan Pakej Interaksi Lisan

Penasihat: Mohamed Noh Daipi
Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Ketua Projek: Dr. Fadilah Isnin, Guru Pakar Bahasa Melayu

Anggota: Rahmat Subadah, Guru Pakar Bahasa Melayu
Abdul Malek Ahmad, Guru Pakar Bahasa Melayu
Muhamad Rafi Abu Bakar, Guru Pakar Bahasa Melayu



**Pusat Bahasa Melayu Singapura
Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Singapura**



Cetakan Pertama, Januari 2012.

© 2012 Pusat Bahasa Melayu Singapura
Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Singapura
11 Bishan Street 14
Singapore 579782

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta Pakej ini.

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Singapura
www.mlcs.sg
No Tel: 62587794 sam. 231
No Faks: 62582044

Dicetak oleh:

Kato Printing and Copy Services
Block 8, Lorong 7 Toa Payoh, #01-285
Singapura 310008

SEUNGKAP KATA PEMBUKA BICARA

Pakej Interaksi Lisan dibina berdasarkan saranan Semakan Bahasa Ibunda 2010 untuk memperkukuh kemahiran interaksi lisan murid. Bahan yang disediakan dalam Pakej ini diselaraskan dengan topik-topik yang terdapat dalam Pakej MEKAR Darjah 1 dan Darjah 2. Pakej ini juga dapat menyokong Buku Latihan Interaktif Darjah 1 dan Darjah 2 yang disediakan oleh Unit Bahasa Melayu, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum.

Sejajar dengan hasrat yang ingin dicapai, pakej ini dibina berdasarkan Model Kemahiran Teras dan Deskriptor Kecekapan yang memerlukan murid berinteraksi secara lisan dalam konteks yang berbeza bagi tujuan yang pelbagai, sama ada berbual, bertransaksi atau berbincang. Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan diharapkan dapat membantu guru menjalankan pengajaran yang dapat memberikan peluang kepada murid menjadi pendengar yang aktif dan mampu memberikan respons spontan yang relevan dan santun. Aktiviti yang dicadangkan juga menggalakkan pelibatan semua murid secara aktif dalam pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, aktiviti-aktiviti itu juga dapat memberi peluang kepada murid untuk menggunakan laras bahasa yang sesuai mengikut konteks dan khalayaknya.

Pakej ini juga memberi tumpuan pada aspek tatabahasa. Setiap klip video mengambil kira aspek tatabahasa yang terdapat dalam Pakej MEKAR Darjah 1 dan 2. Pendekatan ini diharapkan dapat membantu guru mengoptimumkan penggunaan Pakej ini.

Semoga Pakej Interaksi Lisan ini dapat memenuhi keperluan Kurikulum Bahasa Ibunda bagi membimbing murid menjadi pengguna bahasa yang cekap dan dapat berkomunikasi dengan yakin untuk mencapai visi Arif Budiman.

Mohamed Noh Daipi
Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Singapura

GAMBARAN KESELURUHAN PAKEJ INTERAKSI LISAN

Pakej Interaksi Lisan ini terdiri daripada dua belas klip video bagi setiap peringkat, iaitu Darjah 1 dan Darjah 2. Kandungan Pakej ini dibina selaras dengan topik-topik yang terdapat dalam Pakej MEKAR Darjah 1 dan Darjah 2. Selain itu, Pakej ini juga memuatkan panduan guru, bahan pengajaran dan bahan penilaian. Pakej ini boleh digunakan sama ada dengan cara disisipkan dalam unit pelajaran sebagai pengembangan pelajaran atau disisipkan sebagai aktiviti pengukuhan.

Panduan Guru yang disediakan merupakan saranan aktiviti pengajaran yang memberi tumpuan pada tiga konteks interaksi lisan, iaitu berbual, bertransaksi dan berbincang. Guru perlu memastikan setiap kegiatan pengajaran dapat mencapai objektif pengajaran dan melibatkan semua murid. Selain aktiviti utama, Panduan Guru ini juga memberi saranan aktiviti lanjutan yang boleh guru jalankan sebagai aktiviti tambahan.

Bahan pengajaran yang disediakan merupakan contoh bagi tiga konteks interaksi lisan yang ingin dicapai dalam sesuatu pengajaran. Guru boleh mengubah, menyesuaikan dan menambah bahan yang lain bagi memenuhi keperluan murid yang pelbagai. Bahan pengajaran yang disediakan termasuklah Kad Kosa Kata, Kad Main Peranan, Kad Panduan Perbincangan dan Lembaran Kerja.

Alat-alat penilaian yang disertakan dalam Pakej ini merupakan senarai semak dan rubrik bagi penilaian sendiri dan guru. Guru juga boleh menjalankan penilaian secara berpasangan atau berkumpulan. Guru bebas menyediakan alat penilaian yang lain berdasarkan keperluan sesuatu pelajaran. Guru digalakkan menjalankan penilaian menurut keupayaan berbahasa murid. Tidak semua item penilaian yang disertakan dalam senarai semak atau rubrik perlu diuji bagi satu-satu masa atau aktiviti. Contohnya, bagi murid yang rendah penguasaan bahasanya, guru boleh memilih beberapa item tertentu sahaja untuk menilai keupayaan murid. Sementara bagi murid yang lebih baik kebolehannya, guru boleh menguji kesemua item yang diberikan.

Aspek tatabahasa yang diterapkan dalam setiap pengajaran disusun selaras dengan yang terkandung dalam Pakej MEKAR. Guru boleh menggunakan Pakej ini untuk mengukuhkan kosa kata dan tatabahasa murid.

Kepelbagaian aktiviti, bahan pembelajaran dan penilaian yang disediakan akan memberi ruang dan peluang kepada murid untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang sesuai dalam konteks yang berbeza dan bertutur dengan yakin secara spontan. Semoga pakej ini membantu membina ciri-ciri asas Arif Budiman dalam diri anak didik kita.

Pakej Interaksi Lisan bagi Darjah 2

Klip Video 1 Sedapnya! (02:21) 70

Klip Video 2 Sepatu Roda (01:30) 75

Klip Video 3 Sihat dan Cergas (02:39) 81

Klip Video 4 Mari Bersukan (02:16) 89

Klip Video 5 Jiran Baharu (02:19) 96

Klip Video 6 Tumpang Tanya? (01:41) 101

Klip Video 7 Cita-cita (01:57) 108

Klip Video 8 Apa Menunya? (02:47) 113

Klip Video 9 Jemput Makan (02:10) 120

Klip Video 10 Bersukan Bersama Rakan (02:06) 125

Klip Video 11 Kad Raya Kita (02:52) 130

Klip Video 12 Berapakah Harganya? (02:21) 137

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2A Klip Video 1

Pakej MEKAR	2A
Unit 1	Kawan Baik
Tajuk Klip Video	Sedapnya!
Fokus Interaksi Lisan	Perbualan
Aspek Bahasa	Kata Ganda dan Kata Nama Khas
Objektif	Murid dapat berbual mengenai kegiatan barbeku dengan menggunakan kosa kata yang sesuai dan ayat yang mudah.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> menonton klip video 'Sedapnya!' berbual tentang klip video yang ditonton memberi respons kepada pertanyaan guru menonton klip video sekali lagi meneliti Kad Aktiviti Main Peranan secara berpasangan mengisi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai (secara lisan) main peranan yang terdapat dalam Kad (1) Aktiviti Main Peranan secara bergilir, bertukar watak main peranan dalam Kad Aktiviti Main Peranan (1) main peranan bagi Kad (2) Aktiviti Main Peranan melengkapkan senarai semak. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <ul style="list-style-type: none"> Skrip video boleh digunakan untuk aktiviti kefahaman membaca dengan guru membina soalan-soalan kefahaman yang sesuai mengikut keperluan pembelajaran murid. Guru boleh menjalankan aktiviti lakonan menggunakan skrip video yang disediakan. Guru boleh juga menjalankan aktiviti menulis mengenai makanan kegemaran murid. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru boleh menyediakan senario yang berkaitan dengan aktiviti barbeku Pelajaran berfokus pada kata nama berkaitan dengan aktiviti barbeku Guru boleh menyediakan Kad Aktiviti Main Peranan <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Siapakah Mastura? Mengapakah Mastura datang ke rumah Anita? Apakah yang dibawa Mastura? Apakah makanan kegemaran Anita? Apakah yang dilakukan oleh Pak Cik Hassan? Nyatakan aspek bersopan santun dalam perbualan yang dipaparkan dalam video. Mengapakah kamu berpendapat demikian? <p>Bahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Kad Kosa Kata Kad Aktiviti Main Peranan Senarai Semak (Guru dan Murid)

Contoh Kad Kosa Kata/Frasa

Kad 1

barbeku sosej ketam
ayam panggang ikan bakar
agar-agar epok-epok

Kad 2

memanggang
menghidupkan bara api
menyediakan minuman
berbual dengan tetamu

Kad Aktiviti Main Peranan (Perbualan)

Topik: Barbeku Bersama Kawan

Watak 1: _____ selamat datang. _____ masuk.
(nama murid)

Watak 2: _____. Saya ada membawa
(nama murid) _____ untuk awak dan _____ awak.

Watak 1: _____, _____. Emak saya ada memasak
_____ dan _____.

Watak 2: _____nya! Saya suka makan _____
_____ awak.

Watak 1: Mari kita ke tempat _____.

Kad 1

Topik: Awak Suka Makan Apa?

Watak 1: Di atas meja ada _____, _____ dan
_____. Awak suka makan apa, _____?

Watak 2: Saya suka makan _____. Awak pula suka
makan apa, _____?
(nama murid)

Watak 1: Saya suka makan _____ dan
_____. Di sana, Ayah saya sedang
memanggang _____ dan _____.

Watak 2: Sedapnya bau _____ panggang.

Watak 1: Mari kita ambil _____ di sana. Kita boleh
makan _____.

Kad 2

Aktiviti Perbualan 'Barbeku Bersama Rakan'

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Senarai Semak Interaksi Lisan – Berbual (Individu)

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Murid dapat:

1. memulakan perbualan. ()
2. menyatakan nama-nama makanan berkaitan dengan barbeku. ()
3. menggunakan kosa kata yang tepat mengenai barbeku. ()
4. menggunakan sebutan baku dengan tekal. ()

Maklum balas guru:

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu.



Aktiviti Perbualan 'Barbeku Bersama Rakan'

Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam ruang yang sesuai.

Saya dapat ...		Ya 	Tidak 
1	memulakan perbualan.		
2	menyatakan nama-nama makanan dalam aktiviti barbeku.		
3	menggunakan kosa kata yang sesuai mengenai aktiviti barbeku.		
4	bercakap mengikut giliran.		

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2A Klip Video 2

Pakej MEKAR	2A
Unit 2	Alangkah Seronoknya!
Tajuk Klip Video	Sepatu Roda
Fokus Interaksi Lisan	Bertransaksi
Aspek Bahasa	Kata Kerja dan Awalan meN-/ber-
Objektif	Murid dapat mengambil bahagian dalam interaksi lisan jenis transaksi mengenai aktiviti dan peralatan keselamatan semasa bermain sepatu roda.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. menonton klip video 'Sepatu Roda' b. memberi respons kepada pertanyaan guru c. menonton klip video sekali lagi d. melakukan aktiviti interaksi lisan bertransaksi dengan menggunakan Kad Panduan Bertransaksi e. melengkapkan borang penilaian f. bertransaksi, menyoal dan memberikan respons tentang alat keselamatan bagi aktiviti berenang g. menilai dan memberi respons berkenaan kemahiran berbahasa rakan-rakan sebaya mereka. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. meneliti gambar seperti berkelah, berenang b. murid bertransaksi dengan rakan mengenai aspek keselamatan semasa berkelah dan berenang. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru boleh menyediakan skrip mudah • Guru boleh memberi perkataan panduan di papan tulis • Guru boleh menyuruh murid melengkapkan Kad Bertransaksi secara lisan sebelum melakonkan • Guru menyediakan tugas lain agar interaksi transaksi dapat diaplikasikan • Guru memberikan situasi yang berbeza kepada murid tentang aktiviti yang dilakukan, iaitu berenang dan alat keselamatan yang sesuai digunakan • Guru harus mengambil kira kesediaan murid dan keperluan pembelajaran murid ketika merancang aktiviti di bilik darjah <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Namakan alat-alat keselamatan yang disebut dalam klip video. 2. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh watak? 3. Nyatakan fungsi alat keselamatan tersebut. 4. Mengapakah perlu memakai alat keselamatan semasa bermain? 5. Nyatakan tempat-tempat yang selamat bagi permainan atau aktiviti di luar rumah. <p>Bahan Kad Bertransaksi Senarai Semak (Guru dan murid)</p>

Contoh Kad Kosa Kata/Frasa

Kad Kosa Kata

topi keledar

alat pelindung lutut

alat pelindung siku

stoking

sarung tangan

U2

Kad Kosa Kata

melindung

menjaga

melompat

menunggang

berlari

U2

Kad Kosa Kata

tidak cedera

selamat

tidak luka

keselamatan

U2

Kad Kosa Kata

tidak cedera

selamat

tidak luka

keselamatan

U2

**Contoh Kad Panduan Bertransaksi
'Menjaga Keselamatan'**

**Apakah alat keselamatan yang perlu digunakan
semasa bermain _____?**

Alat keselamatan yang sesuai digunakan ialah

_____.

Bagaimanakah saya hendak memakai

_____?

Awak harus _____.

Mengapa kita perlu memakai _____?

Awak perlu memakainya kerana

_____.

Apakah alat-alat lain _____

_____?

Awak boleh membawa _____

_____.

Terima kasih kerana _____.

Aktiviti Bertransaksi 'Menjaga Keselamatan'

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Senarai Semak Kemahiran Interaksi Lisan – Bertransaksi (Individu)

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Murid dapat:

1. bertransaksi tentang alat keselamatan. ()
2. menggunakan kosa kata yang sesuai. ()
3. bertanya untuk mendapatkan informasi mengenai alat keselamatan. ()
4. memberikan respons kepada pertanyaan rakan. ()

Maklum balas guru:

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu.



Aktiviti Bertansaksi 'Menjaga Keselamatan'

Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam ruang yang sesuai.

Semasa bertransaksi, saya dapat ...		Ya 	Tidak 
1	bertanyakan soalan mengenai alat keselamatan semasa bermain.		
2	memberikan respons yang betul mengenai alat keselamatan semasa bermain.		
3	memahami soalan yang ditanyakan.		
4	bercakap mengikut giliran.		
5	menggunakan sebutan baku.		

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2A

Klip Video 3

Pakej MEKAR	2A
Unit 4	Sihatnya Keluargaku
Tajuk Klip Video	Sihat dan Cergas
Fokus Interaksi Lisan	Perbincangan
Aspek Bahasa	Kata Nama
Objektif	Murid dapat mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai makanan-makanan yang sihat.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. menonton klip video 'Sihat dan Cergas' b. memberi pandangan berdasarkan soalan-soalan guru c. menonton klip video sekali lagi d. secara berkumpulan berbincang mengenai tugas yang diberikan guru e. menggunakan Kad Panduan Perbincangan semasa perbincangan f. melengkapkan tugas bagi menyenaraikan makanan sihat atau tidak menyihatkan daripada senarai makanan yang disediakan g. melengkapkan borang penilaian h. boleh memberikan maklum balas menggunakan alat penilaian yang disediakan. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. berbincang dan membina menu makanan sihat pada hujung minggu di rumah b. memilih makanan kegemaran mereka. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Guru merancang perbincangan dengan meminta murid menggunakan 'Kad Panduan Perbincangan' (KPP) semasa berbincang • Murid boleh membuka KPP untuk membantu perbincangan mereka • Guru menggalakkan murid memberi pendapat sama ada setuju dengan pilihan rakan kumpulan mereka • Guru menggalakkan murid mendengar dahulu sebelum tidak bersetuju • bekerjasama dalam perbincangan • Guru boleh menggunakan pendekatan pengajaran pembedaan untuk membantu murid yang lemah dapat mengikuti pelajaran yang dirancang <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Video ini mengenai apa? 2. Apakah itu makanan yang menyihatkan? 3. Mengapakah ikan kukus lebih menyihatkan daripada ikan goreng? 4. Mengapakah makan nasi berpinggan-pinggan tidak digalakkan? 5. Adakah mereka bekerjasama? 6. Mengapa semasa berbincang kita tidak boleh bercakap dalam masa yang sama? <p>Bahan</p> <p>Kad Panduan Perbincangan Lampiran - Aktiviti Perbincangan Senarai Semak (Guru dan Murid)</p>

Contoh Aktiviti Perbincangan 'Makanan yang Menyihatkan'

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Lihat senarai makanan yang diberikan. Kemudian, lengkapkan petak di bawah. Mengapakah kamu memilih makanan itu? Kamu boleh menggunakan Kad Panduan Perbincangan semasa berbincang.

Makanan yang Menyihatkan

1

2

3

4

5

Makanan yang Tidak Menyihatkan

1

2


3

4

5

SENARAI MAKANAN

gula-gula



roti




makanan
segera



aiskrim



ayam
panggang



Senarai Makanan



nasi




epal



kek



ayam
goreng



ikan

**Contoh Kad Panduan Perbincangan
'Makanan yang menyihatkan'**

Saya memilih _____.

Mengapa awak memilih _____?

Saya memilih _____ kerana _____.

Mengapakah awak bersetuju?

Saya setuju kerana _____.

**Mengapakah awak tidak bersetuju
dengan pilihan _____ (nama rakan)?**

Saya tidak bersetuju kerana

_____.

Pada pendapat saya pula

_____.

Saya menyokong pendapat awak kerana _____.

Awak bersetuju dengan pendapat itu?

Saya setuju kerana _____.

Saya tidak menyokong pendapat itu kerana _____.

Aktiviti Perbincangan 'Makanan yang Menyihatkan'

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Senarai Semak Interaksi Lisan – Perbincangan (Individu)

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Semasa berbincang, murid dapat:

- | | | |
|---|---|---|
| 1. memilih makanan sihat atau tidak menyihatkan. | (|) |
| 2. menggunakan kosa kata yang sesuai. | (|) |
| 3. menyatakan pilihan mereka. | (|) |
| 4. menyatakan sebab-sebab mereka tidak bersetuju. | (|) |
| 5. menggunakan sebutan baku. | (|) |

Maklum balas guru:

Nota:

Penilaian secara individu tidak perlu dijalankan bagi setiap murid. Guru boleh mengenal pasti kumpulan murid yang akan dinilai bagi pelajaran-pelajaran tertentu. Alat penilaian ini boleh disesuaikan mengikut perluan pembelajaran murid.



Aktiviti Perbincangan 'Makanan yang Menyihatkan'

Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tandakan (✓) dalam ruang yang sesuai.

Semasa berbincang, saya dapat...		Ya 	Tidak 
1	menyatakan pendapat dengan jelas.		
2	menggunakan kosa kata yang sesuai.		
3	menyatakan pilihan makanan sihat atau tidak menyihatkan.		
4	menyatakan tidak setuju dengan sopan.		
5	bercakap mengikut giliran.		

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2A

Klip Video 4

Pakej MEKAR	2A
Unit 5	Bersukan
Tajuk Klip Video:	Mari Bersukan
Fokus Interaksi Lisan	Perbincangan
Aspek Bahasa	Kata Nama
Objektif	Murid dapat mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai jenis sukan yang sesuai bagi murid lelaki dan perempuan.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> meneliti gambar-gambar sukan memberi pandangan mereka mengenai gambar menonton klip video 'Mari Bersukan' memberi pandangan berdasarkan soalan-soalan guru menonton klip video sekali lagi secara berkumpulan berbincang mengenai jenis sukan yang sesuai/ tidak sesuai bagi murid lelaki atau perempuan menggunakan 'Kad Panduan Perbincangan', Kad Kosa Kata dan Kad Nama-nama Sukan semasa perbincangan melengkapkan borang penilaian. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> menyenaraikan jenis sukan rakan-rakan dalam kumpulan masing-masing menulis di kad dan menampalkan di kertas mahjong atau tembok perkataan bagi setiap kumpulan mengadakan lintas galeri menjelaskan jenis sukan ahli kumpulannya. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru boleh menyediakan gambar jenis-jenis sukan Guru mendapatkan murid menyatakan sukan yang sesuai untuk murid lelaki dan perempuan Guru boleh menggunakan set 'Kad Panduan Perbincangan' (KPP) yang disediakan bagi Klip Video 9 Murid boleh membuka KPP untuk membantu perbincangan mereka <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Video ini mengenai apa? Apakah itu jenis-jenis sukan yang ada di sekolah mereka? Mengapakah ada murid yang tidak setuju mereka memilih sukan bola sepak? Setujukah kamu agar kumpulan tersebut memilih bola sepak? Mengapa? Mengapakah sukan badminton menjadi pilihan kumpulan? Adakah mereka bekerjasama? <p>Bahan</p> <p>Kad Panduan Perbincangan Lampiran - Aktiviti Perbincangan Kad Nama-nama Sukan Kad Kosa Kata Senarai Semak (Guru dan Murid)</p>

Contoh Aktiviti Perbincangan 'Sukan Kegemaran Saya'

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Lengkapkan petak di bawah ini dengan jenis sukan yang sesuai bagi murid lelaki dan murid perempuan serta aktiviti yang dilakukan dalam sukan-sukan tersebut.

Mengapakah kamu berpendapat demikian? Bincangkanlah dengan rakan kumpulan kamu.

JENIS-JENIS SUKAN	
Bagi Murid Lelaki	Bagi Murid Perempuan
<ul style="list-style-type: none"> • • • • 	<ul style="list-style-type: none"> • • • •
Aktiviti yang dilakukan	Aktiviti yang dilakukan
<ul style="list-style-type: none"> • • • • 	<ul style="list-style-type: none"> • • • •
Mengapa?	Mengapa?
<ul style="list-style-type: none"> • • • • 	<ul style="list-style-type: none"> • • • •

Kad Jenis Sukan



bola sepak



badminton



bola jaring



tenis meja







berbasikal



berenang

Kad Jenis Sukan



Kad Kosa Kata

cedera

luka

lasak

melompat

menendang

selamat

ganas

menyakitkan

cerdas

terjun

menampar

melambung

popular

menangkis

mengayuh

mengimbang

Aktiviti Perbincangan 'Sukan Kegemaran Saya'

Borang Rubrik: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Murid dapat...		☆☆☆	☆☆	☆
1	menyatakan pendapat dengan jelas dan yakin.			
2	menyokong pendapat rakannya.			
3	menyatakan setuju atau tidak setuju secara sopan dengan pendapat kawan.			
4	bercakap mengikut giliran.			
5	menggunakan sebutan baku.			




Maklum balas guru:

Aktiviti Perbincangan 'Sukan Kegemaran Saya'

Borang Rubrik: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

No	PERKARA			
1	Saya boleh menyatakan pendapat dengan yakin.			
2	Saya menyokong pendapat rakan.			
3	Saya memberitahu setuju atau tidak setuju dengan sopan.			
4	Saya bercakap mengikut giliran.			
5	Saya menggunakan sebutan baku.			

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2A Klip Video 5

Pakej MEKAR	2A
Unit 6	Mengenal Jiran
Tajuk Klip Video	Jiran Baharu
Fokus Interaksi Lisan	Perbualan
Aspek Bahasa	Imbuan ber- dan Kata Nama Khas
Objektif	Murid dapat mengambil bahagian dalam perbualan dengan rakan atau jiran seblok.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> menonton klip video 'Jiran Baharu' berbual tentang klip video yang ditonton memberikan respons kepada soalan-soalan guru menonton klip video sekali lagi secara berpasangan berbual dengan rakan berdasarkan tajuk 'Berkunjung ke Rumah Jiran Baharu' main peranan menggunakan 'Kad Panduan Perbualan' melengkapkan borang penilaian. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> boleh menjalankan projek 'Bertanya Jiran' bertanya kepada 2 keluarga jiran mereka tentang nama-nama ahli keluarga jiran dan pekerjaan mereka berkongsi dengan murid lain tentang jiran mereka. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru meminta murid menggunakan 'Kad Panduan Perbualan' (KPP) semasa murid berbincang sebagai panduan Guru memerhati keperluan pembelajaran murid dengan memerhatikan respons murid semasa berbual Guru memberi fokus kepada murid yang memerlukan lebih sokongan Guru boleh menggalakkan murid mendapatkan bantuan ahli keluarga bagi aktiviti lanjutan <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Video ini mengenai apa? Siapakah yang baharu berpindah ke blok itu? Apakah tujuan kedatangan Malisa dan Amir? Amir bersekolah di mana? Bagaimanakah Amir ke sekolah? Apakah nasihat Farhanah kepada adiknya? Adakah mereka bekerjasama? <p>Bahan</p> <p>Tugasan Aktiviti Perbualan Senarai Semak (Guru dan Murid)</p>

Contoh Aktiviti Perbualan 'Berkenalan dengan Jiran Baharu'

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Kamu dijemput oleh jiran baharu kamu ke rumah mereka bersama keluarga kamu.

Secara berpasangan dan menggunakan Kad Panduan Perbualan, main peranan untuk berbual dengan jiran baharu kamu. Kamu diminta berkenalan dan bertanya khabar dengan jiran baharu kamu itu.



Apa khabar? Nama saya _____.

Khabar baik. Selamat berkenalan. Nama saya

_____.



Saya ikut ibu saya berkunjung ke rumah _____.

Terima kasih kerana _____

_____.





Dahulu awak tinggal di mana _____?

Dahulu saya tinggal di _____.



Oh, dahulu awak tinggal di _____.
Saya tinggal di blok ini sejak _____ tahun
lalu. Sekolah saya _____.

Saya juga bersekolah di situ! Sekolah Rendah
_____.



Baguslah! Kita boleh ke _____
bersama-sama. Kita _____ kaki
sahaja ke _____.

Ya, sudah tentu boleh! _____, jemputlah
makan. Ini ada makanan yang _____
masak. _____ makan.



Emak awak masak _____ dan
_____. Terima kasih. Mari kita makan
_____.

Aktiviti Perbualan 'Berkenalan dengan Jiran Baharu'

Senarai Semak: Penilaian Guru (Perbualan)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Murid dapat...		(Ya) ★
1	mengikut arahan guru.	
2	berbual dengan lancar bersama rakan.	
3	berbual mengikut giliran.	
4	melakukan tugas tanpa bantuan guru.	
5	menggunakan sebutan baku.	

*Lukis bintang jika jawapannya 'Ya'.

Aktiviti Perbualan 'Berkenalan dengan Jiran Baharu'

Senarai Semak: Penilaian Kendiri (Murid)

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

No	PERKARA	(Ya) ★
1	Saya boleh mengikut arahan guru.	
2	Saya boleh berbual dengan lancar bersama rakan.	
3	Saya menunggu giliran semasa berbual.	
4	Saya tidak memerlukan bantuan guru semasa berbual.	
5	Saya menggunakan sebutan baku.	

*Lukis bintang jika jawapannya 'Ya'.

Panduan Guru bagi Bahan Klip Video Darjah 2A Klip Video 6

Pakej MEKAR	2A
Unit 6	Mengenal Jiran
Tajuk Klip Video:	Tumpang Tanya?
Fokus Interaksi Lisan	Bertransaksi
Aspek Bahasa	Kata Nama Khas dan Kata Ganti Tunjuk
Objektif	Murid dapat mengambil bahagian dalam interaksi lisan dengan bertanya dan memberi respons yang sesuai dalam senario sesat di pusat membeli belah di kawasan kejiranan.

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN/CATATAN
<p>Aktiviti</p> <p>Murid:</p> <ol style="list-style-type: none"> menonton klip video 'Tumpang Tanya?' memberi pandangan berdasarkan soalan-soalan guru menonton klip video sekali lagi secara berpasangan berlatih bertransaksi dengan membaca komik secara lantang melakonkan tugas yang disediakan oleh guru menggunakan Kad Panduan Bertransaksi semasa berinteraksi boleh menggunakan Kad Soalan untuk membantu mereka bertransaksi bertukar peranan semasa main peranan melengkapkan borang penilaian. <p>Saranan Aktiviti Lanjutan</p> <p>Murid:</p> <ul style="list-style-type: none"> melengkapkan lembaran kerja mengenai jiran mereka berkongsi dengan rakan sekelas tentang pengalaman mereka menjalin hubungan dengan jiran. 	<p>Catatan</p> <ul style="list-style-type: none"> Guru merancang aktiviti menggunakan Kad Panduan Bertransaksi' (KPB) Murid boleh membuka KPB untuk membantu aktiviti interaksi transaksi Guru boleh menukar posisi murid di peta bagi membolehkan murid memberi arahan yang berbeza Guru boleh mendapatkan murid membuat tugas di rumah mengenai beberapa jiran mereka Guru boleh menyediakan Lembaran Kerja 'Jiran Saya' <p><u>Soalan Saranan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Video ini mengenai apa? Di manakah Farhan tersesat? Siapakah yang membantu Farhan? Berikan pendapat kamu tentang Sani. Apakah yang akan kamu lakukan sekiranya kamu tersesat jalan? <p>Bahan</p> <p>Kad Panduan Bertransaksi Kad Kosa Kata Tugas Perbualan Senarai Semak (Guru dan Murid)</p>

Aktiviti Main Peranan 'Awak Sesatkah?'

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____




Kamu telah tersesat semasa kamu mengikut kakak kamu ke kios basikal. Kamu ingin kembali ke **Kawasan Barbeku D**, tempat keluarga kamu berkumpul.

Lakonkan cara kamu meminta bantuan daripada seseorang yang berada di situ.

Gunakan Peta Taman untuk menjalankan aktiviti bertransaksi 'Awak Sesatkah?'.
5



Peta Taman



Kad Panduan 'Awak Sesatkah?'

Watak A

Boleh saya

_____?

Bagaimana hendak
ke _____?

Jalan terus
ke _____?

Selepas itu, saya belok
ke _____?

Belok _____.
Saya harus _____?

Selepas ikut bulatan, saya
perlu belok ke _____?

Watak B

Ya, _____.

Awak perlu jalan
_____.

Awak jalan terus. Sebelum
sampai di _____, awak
_____.

Awak akan nampak sebuah
_____. Selepas itu awak
_____.

Awak belok kanan
_____.

Awak _____ dan belok
_____ di lorong yang
ke _____.

Kad Panduan 'Awak Sesatkah?'

Watak A

Watak B

Oh, saya belok ke _____
di lorong yang _____!

Betul. Awak _____ selepas
lorong yang _____.

Di manakah
_____?

Tempat _____ ada di
_____ lorong tersebut.

Terima kasih kerana
_____ saya.

_____.

Oh ya, saya lupa. Nama
saya _____.

Saya _____.

Selamat berkenalan.
_____ sekali lagi.

_____.

Aktiviti Bertransaksi 'Awak Sesatkah?'

Senarai Semak: Penilaian Guru

Nama: _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Senarai Semak Interaksi Lisan – Bertransaksi (Individu)

Tandakan (✓) dalam kurungan.

Murid dapat:

1. bertanya untuk mendapatkan informasi. ()
